

# Budget consideration and detailing grant application

# PERINCIAN VOT GERAN USM

<b>VOT</b>	<b>PERINCIAN VOT</b>
Vot 11000	Gaji dan Upahan
Vot 14000	Elaun Lebih Masa
Vot 15000	Bonus
Vot 21000	Perbelanjaan Perjalanan & Sara Hidup
Vot 22000	Pengangkutan Barang-barang
Vot 23000	Perhubungan dan Utiliti
Vot 24000	Sewaan
Vot 26000	Bekalan dan Bahan mentah & Bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan
Vot 27000	Bekalan dan Bahan-bahan Lain
Vot 28000	Penyelenggaraan dan Pembaikan kecil yang dibeli
Vot 29000	Perkhidmatan ikhtisas & Perkhidmatan lain yang dibeli termasuk percetakan hospitaliti dan honorarium
Vot 35000	Harta Modal

# Vot 11000 - Gaji dan Upahan

Jenis kakitangan yang boleh dilantik ialah:

(i) Pembantu Pelajar yang gajinya dibayar atas kadar harian sebanyak RM25.00 sehari;

**ATAU**

(ii) Pembantu Projek yang gajinya dibayar atas kadar bulanan. Mereka ini perlu berkelulusan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan dibayar maksimum RM625.00 sebulan sahaja.

Bagi mereka ini, selain dari gaji, mereka juga perlu dibayar 12% KWSP dan PERKESO (seperti di jadual 1- Pindaan Kadar gaji Baru).

# Contoh:

## (i) Kadar Harian

- Gaji : 1 orang Pembantu Pelajar x RM25.00 sehari x 25 hari = RM625.00
- Bayaran KWSP : 12% x RM25.00 = RM75.00
- Bayaran PERKESO: (Sila rujuk jadual 1)

## (ii) Kadar Bulanan

- Gaji : 1 orang Pembantu Projek x RM625.00 sebulan x 12 bulan = RM7,500.00
- Bayaran KWSP : 12% x RM625.00 x 12 bulan = RM900.00
- Bayaran PERKESO: (Sila rujuk jadual 1)

# Vot 21000 - Perbelanjaan Perjalanan dan Sarahidup

- Merekodkan tuntutan yang dibuat oleh kakitangan semasa menjalankan urusan rasmi, meliputi bayaran bagi pengangkutan orang, elaun sara hidup, bayaran hotel dan penginapan, bayaran tol dan bayaran meletak kenderaan.
- Untuk kakitangan projek yang dilantik secara sebulan, tuntutan adalah mengikut kelayakan sebenar mereka, seperti Pekeliling Bil. 2 Tahun 1992, kecuali kenderaan sendiri dengan kadar 0.60 sen/km. Kadar batuan ini mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 berkuatkuasa mulai 1 April 2002 setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Universiti (JPU) di Mesyuarat ke 8 pada 29 Januari 2002.
- Untuk lain-lain kakitangan Akademik, tuntutan perjalanan dan sarahidup adalah mengikut skel DS2/DU/DUG (bawah skim SSB) tidak mengira kelayakan jawatan hakiki mereka.

# Contoh :

Untuk Kakitangan Akademik (Skel DS2)

- Penginapan :  $RM125.00 \times 2 \text{ malam} = RM250.00$
- Subsisten :  $RM40.00 \times 3 \text{ hari} = RM120.00$
- Perjalanan : (Misalan perjalanan dibuat dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur oleh Kakitangan Akademik sebanyak 2 kali)  $RM218.00 \times 2 \text{ kali} = RM436.00$
- Teksi : Dari ..... ke .....  $RM100.00$

**JUMLAH RM906.00**

# **Vot 22000 - Pengangkutan Barang-Barang**

- perbelanjaan mengangkutan barang-barang di dalam dan di luar negeri
- perbelanjaan untuk mengendali dan menjaga semasa memindah barang-barang kepunyaan projek
- Bayaran termasuk pos bungkusan, bayaran insuran untuk bungkusan, 'storage charges' dan lain-lain.

# Vot 23000 - Perhubungan dan Utiliti

- Vot ini ialah untuk merekodkan perbelanjaan berkaitan dengan perkhidmatan perhubungan seperti pos, telefon, teleks, telefaks, kabel dan lain-lain. Juga untuk elektrik, air, gas dan utiliti yang lain.
- Kos pemasangan alat dan sewa telefon juga di bawah vot ini.
- Catatan: Perlu khususkan jenis perkhidmatan yang ingin dipohon dan bilangannya jika boleh dikira serta anggaran kosnya.

# Vot 24000 - Sewaan

- Merekodkan bayaran untuk menyewa atau memajak tanah, bangunan, kenderaan, kemudahan dan alat kelengkapan.
- Catatan: Perlu kemukakan di dalam anggaran belanjawan jenis sewaan yang diperlukan, bilangan dan anggaran kosnya (Contohnya kadar caj/hari x bilangan hari).
- Catatan: Sewa gas selinder untuk nitrogen cecair, sewa alatan makmal dsbnya.

# **Vot 26000 - Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan**

- Perbelanjaan bagi semua pembelian bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan aset, misalnya alat-alat ganti. Harap maklum ini dibenarkan hanya untuk alat-alat yang telah dibeli dengan geran penyelidikan yang sama.
- Jika pembelian alat ganti atau alat-alat untuk penyelenggaraan itu melibatkan juga kerja-kerja penyelenggaraan, ianya perlu dikenakan ke vot 28000.

# Vot 27000 - Bekalan dan Bahan-Bahan Lain

- Merekodkan pembelian semua bekalan dan bahan-bahan yang berharga kurang dari RM500.00 setiap satu, tetapi tidak dijeniskan sebagai harga/aset. Ianya juga tidak termasuk bekalan dan bahan-bahan di bawah vot 26000.
- Ianya meliputi perkara-perkara seperti bahan-bahan kimia, bahan-bahan pakai habis, alat kaca, benih haiwan untuk penyelidikan dan lain-lain bahan berkaitan dengan penyelidikan.

Catatan: Sila perincikan setiap item yang diperlukan beserta dengan kos dan kuantiti.

# **Vot 28000 - Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli**

- Merekodkan perbelanjaan untuk semua kerja yang dibuat oleh pihak luar bagi menentukan kemudahan dan hartabenda berada dalam keadaan baik termasuk perkhidmatan mencuci dan mengecat (dibenarkan hanya untuk alat-alat yang telah dibeli dengan geran penyelidikan yang sama).

# Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti

- Merekodkan perbelanjaan semua perkhidmatan yang dibeli dan hospitaliti seperti perkhidmatan-perkhidmatan iktisas/fotokopi/percetakan/upahan, elaun atau bayaran lain kepada orang luar yang tidak dilantik sebagai pekerja projek, hospitaliti dan honorarium kepada orang-orang jemputan.
- Honorarium di sini dihadkan kepada bayaran responden, misalnya di bawah projek perubatan, bayaran untuk mendapatkan sampel darah.

Catatan: Sebutkan secara terperinci jenis perkhidmatan atau hospitaliti berkenaan, kadar yang digunakan dan cara pengiraanya.

# Vot 35000 - Harta Modal-Harta Modal Yang Lain

- Merekodkan perbelanjaan bagi mendapatkan semua barang-barang yang dijeniskan sebagai harta modal.

Catatan: Perlu disenaraikan tiap-tiap alat yang ingin dibeli di bawah vot ini dengan memberi justifikasi, spesifikasi, anggaran kosnya dan sebutharga.

**PINDAAN KADAR GAJI BARU DI  
BAWAH SKIM SARAAN MALAYSIA  
MENGIKUT JAWATAN  
(BULANAN & HARIAN)  
MULAI JULAI 2007  
(Jadual 1)**

# Jadual 1

JAWATAN	GAJI SEBULAN /HARI	ITKA SEBULAN /HARI	BANTUAN	JUMLAH	JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR OLEH MAJIKAN KEPADA KWSP (12%) & PERKESO			JUMLAH SEBENAR
					KWSP -12%	PERKESO	JUMLAH	
Pegawai Penyelidik (Sarjana - N41) <i>Master</i>	RM 2052.08 RM 82.08	RM 300.00 RM 12.00	RM 300.00 RM 12.00	<b>RM 2652.08</b> <b>RM 106.08</b>	RM318.24	RM 46.35	RM364.59	<b>RM 3,016.67</b>
Pegawai Penyelidik (Ijazah - N41)	RM 1871.18 RM 74.84	RM 300.00 RM 12.00	RM300.00 RM 12.00	<b>RM2,471.18</b> <b>RM 98.84</b>	RM296.54	RM 42.85	RM339.39	<b>RM 2,810.57</b>
Pen. Peg. Penyelidik (Diploma - N27)	RM 1470.75 RM 58.83	RM 160.00 RM 6.40	RM300.00 RM 12.00	<b>RM1,930.75</b> <b>RM 77.23</b>	RM231.69	RM 34.15	RM265.84	<b>RM 2,196.59</b>
Pen. Peg. Penyelidik (STPM - N27)	RM 1204.55 RM 48.18	RM 160.00 RM 6.40	RM300.00 RM 12.00	<b>RM1,664.55</b> <b>RM 66.58</b>	RM199.74	RM 28.85	RM228.59	<b>RM 1,893.14</b>
Pembantu Penyelidik (SPM - N17)	RM 820.38 RM 32.81	RM 115.00 RM 4.60	RM300.00 RM 12.00	<b>RM1,235.38</b> <b>RM 49.41</b>	RM148.24	RM21.85	RM170.09	<b>RM 1,405.47</b>
Pembantu Tadbir Perkeranian (SPM - N17)	RM 820.38	RM 115.00	RM300.00	<b>RM1,235.38</b>	RM148.24	RM 21.85	RM170.09	<b>RM 1,405.47</b>
Pembantu Makmal (SPM - C17)	RM 824.91	RM 115.00	RM300.00	<b>RM1,239.91</b>	RM148.78	RM 21.85	RM170.63	<b>RM 1,410.54</b>
Pemb.Tadbir Rendah (SPM - N11)	RM 709.59	RM 95.00	RM300.00	<b>RM1,104.59</b>	RM132.55	RM 20.15	RM152.70	<b>RM 1,257.29</b>
Pembantu Projek (SPM ) <b>(Efektif 1/4/2005)</b>	RM 625.00	-	-	<b>RM 625.00</b>	RM75.00	RM11.35	RM86.35	<b>RM 711.35</b>
Pembantu Pelajar <b>(Efektif 1/4/2005)</b>	RM25.00/sehari	-	-	<b>RM 625.00</b> <b>(RM25 x 25 Hari)</b>	RM75.00	RM11.35	RM86.35	<b>RM 711.35</b>

# How to win ethical approval at 1<sup>st</sup> go?

- PTJ reviewed?
- Application form complete?
  - Correct study design
  - References?
  - Sample size calculation
  - Co- researchers sign?
  - PTJ boss sign?
  - Ethical issues?
  - Patient information sheet?

# Ethical issues -FSPs

- I am only doing survey –
- I am only using left over blood sample!
- I only want to look at the patients folder!
- I only need 1ml of blood!
- We give the kind of food that people eat!
- I still have extra tissue/blood/serum from the previous research

# How to win JK teknikal at 1<sup>st</sup> go?

- Justify the budget?
- Quotation?
- Budget reasonable?
- Human capital development?